



Submission date: 07/1/2022 Accepted date: 10/3/2022
DOI: 10.33102/abqari.vol26no1.498

INTERVENSI TERAPI BERMAIN TERHADAP ISU SOSIAL DAN EMOSI PELAJAR PINTAR BERBAKAT

Play Therapy Intervention on Social and emotional Issues among Gifted and Talented Students

Nor Hamizah bt Ab Razak^a, Amnah Zanariah Abd Razak^a & Abdul Rashid
Abdul Aziz^a

^aUniversiti Sains Islam Malaysia

norhamizah@usim.edu.my (corresponding author)

Abstract

The clients in this study were a group of smart and talented students (GTS) who experienced social and emotional problems. The social and emotional issues of these students are stem from the psychological and physiological factors of themselves such as asynchronous development, perfectionistic attitudes and had high expectations from society. In addition, GTS also has special characteristics such as having a high level of cognitive ability, creativity, and high imagination. Such characteristics have indirectly weakened their ability to make decisions as well as resilience. Therefore, a group of GTS were given an intervention using Cognitive Behavioral Play Therapy Module (CBPT Module) which has elements that suit their unique characteristics. After the intervention was conducted for 6 sessions, these students were able to improve decision-making ability as well as resilience.

Keywords: Gifted and talented students, play therapy approaches, social and emotion, decision making and resilience.

Abstrak

Klien dalam kajian ini adalah sekumpulan pelajar pintar dan berbakat (PPB) yang mengalami isu sosial dan emosi. Isu sosial dan emosi pelajar ini berpunca faktor psikologi dan fisiologi PPB itu sendiri seperti ketidak selaras perkembangan, sikap kesempurnaan melampau dan juga ekspektasi yang tinggi daripada masyarakat. Selain itu, PPB juga merupakan ciri unik seperti memiliki tahap kognitif tinggi, kreatif dan daya imaginasi yang tinggi. Ciri-ciri tersebut secara tidak langsung telah mengugat

keupayaan mereka untuk membuat keputusan dan juga berdaya tahan. Oleh yang demikian, sekumpulan pelajar ini telah diberi intervensi menggunakan Modul Terapi Bermain Kognitif Tingkah laku (Modul TBKT) yang memiliki elemen yang selari dengan ciri unik mereka. Setelah intervensi dijalankan sebanyak 6 sesi, pelajar-pelajar ini berkeupayaan meningkatkan keupayaan membuat keputusan dan juga daya tahan.

Kata kunci: Pelajar pintar berbakat, pendekatan terapi bermain, sosial dan emosi, membuat keputusan dan daya tahan.

PENGENALAN

Pelajar pintar berbakat (PPB) adalah pelajar yang seringkali dilihat sebagai golongan yang sempurna dan bebas daripada masalah. Realitinya, pelajar ini adalah sebagaimana pelajar biasa yang tidak terlepas daripada isu sosial dan emosi. Golongan ini juga memiliki karakteristik yang unik dan memerlukan pendekatan yang berbeza bagi memenuhi keperluan mereka.

Di Malaysia terdapat dua program yang ditubuhkan bagi mengenal pasti pelajar pintar dan berbakat (PPB) iaitu Program GENIUS pintar® yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Program GENIUS Insan yang terletak di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kedua-dua institusi ini menawarkan pendidikan peringkat menengah kepada (PPB) serta menyediakan satu program pendidikan lebih terkehadapan dan mencabar bersesuaian dengan aras pemikiran mereka. Tambahan lagi, program ini memberi peluang kepada pelajar mengikuti pembelajaran yang telah dimampangkan, dipacukan dan diperkayakan bersesuaian dengan pembelajaran bagi PPB. Selain itu, PPB juga merupakan pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar berkeperluan khas. Pelajar ini memiliki tahap perkembangan dan pertumbuhan kognitif, emosi dan sosial yang berbeza jika dibandingkan dengan pelajar biasa (Rorlinda, Noriah, Siti Aishah & Afifah, 2016). Walau bagaimanapun, di sebalik kelebihan yang dimiliki terpalit tekanan dan konflik dalaman yang membantutkan perkembangan sosial dan emosi mereka (Abu Yazid & Noriah, 2016). Perkara ini membawa kepada masalah seperti rasa rendah diri, rendah motivasi kendiri, pencapaian bawah tahap (*underachievement*) dan kebimbangan.

Kajian ini melibatkan pelajar daripada Program GENIUS Insan yang ditubuhkan pada 2010. Umumnya, pelajar daripada program ini telah dikenal pasti seawal usia 8 tahun dan terpilih setelah melepassi tiga ujian saringan yang telah ditetapkan iaitu ujian UKM 1, ujian UKM 2 dan ujian USIM. Setelah berjaya melepassi saringan-saringan tersebut, pelajar dikehendaki menghadiri sesi perkhemahan yang dikenali sebagai ‘*summer camp*’ yang dijalankan dua kali setahun sehingga pelajar-pelajar ini mencapai usia 12 tahun. Seterusnya, untuk melayakkan mereka terpilih ke Program PERMATA Insan, pelajar-pelajar tersebut perlu melepassi ujian menghafal Al- Quran sebanyak 2 juzuk

dan perlu melepas penilaian khas yang dikenali sebagai *Mukhayyam Al-Abrar* (Abdel Rahman et al., 2017). Sebaik sahaja terpilih, pelajar-pelajar ini ditempatkan di Kolej GENIUS Insan, USIM. Mereka didedahkan dengan aktiviti-aktiviti pengembangan dalam bentuk e-pembelajaran. Tutor khas dilantik bagi membimbing mereka dalam empat modul iaitu Modul Pintar Quran dan Sunnah, Modul Bahasa Arab, Modul Bahasa Inggeris dan Modul Pembangunan Insan. Kesepaduan kurikulum Program GENIUS Insan yang diadun daripada kurikulum GENIUS pintar® serta digabungkan dengan integrasi naqli dan aqli, bertujuan melahirkan golongan cendekiawan dan pemimpin Islam masa hadapan negara. Ini kerana, selain memiliki kecemerlangan akademik, pelajar ini juga memiliki nilai tambah yang sangat berguna iaitu menghafal Al-Quran (Amnah et al., 2017). Pelajar ini juga diperkasakan dengan elemen pembangunan kerohanian, penguasaan ilmu, kekuatan moral dan kepimpinan jati diri yang diterapkan menerusi modul perkhemahan cuti sekolah tahunan serta proses pembelajaran berterusan secara bersemuka dan maya.

Sehubungan itu, klien daripada kajian ini merupakan PPB yang bukan sahaja memiliki tahap intelek yang tinggi malah memiliki nilai-nilai kerohanian yang tinggi ini merupakan modal insan yang sangat bermanfaat yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Hasil kajian ahli-ahli psikologi mendapati PPB yang dikenali sebagai individu yang mempunyai kebolehan kognitif, daya kreativiti dan komitmen tugas yang tinggi (Rorlinda et al., 2016; Renzulli, 1997) juga sering mengalami isu-isu berkaitan sosial dan emosi (Versteynen, 2013; Abu Yazid & Aliza, 2009; Aliza & Hamidah, 2009; Rosadah, 2004). PPB juga adalah sebagaimana pelajar normal lain, tidak terlepas daripada mengalami masalah psikologi. Faktor-faktor seperti ketidakselarasan perkembangan di antara umur akal dan fizikal atau lebih dikenali sebagai *asynchronous development* (Rorlinda et al., 2016), sikap kesempurnaan melampau (Abu Yazid & Aliza Alias, 2009), persekitaran yang tidak meransang (Ng & Sandiyao, 2005) dan sebagainya membantutkan perkembangan diri mereka dan memberi kesan kepada aspek sosial dan emosi PPB (Rorlinda et al., 2017; Blaas, 2014). Contohnya, faktor *asynchronous development* iaitu tahap perkembangan usia dan juga tahap kognitif yang tidak selari menjadikan PPB sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran. Oleh itu, golongan PPB ini memerlukan pemerhatian bukan sahaja terhadap aspek intelektual malah memerlukan kajian dan pemahaman yang mendalam mengenai aspek psikologi mereka.

Justeru, klien dalam kajian ini merupakan sekumpulan pelajar pintar berbakat berusia diantara 13-15 tahun yang telah dipilih berdasarkan kepada laporan unit kaunseling daripada kolej GENIUS Insan dan juga hasil saringan menggunakan dua instrumen iaitu soal selidik kemahiran membuat keputusan dan juga daya tahan. Kumpulan pelajar ini telah dikenalpasti memiliki isu sosial dan emosi yang diserahkan melalui tingkahlaku seperti kebimbangan, tekanan, pencapaian serta isu perhubungan.

Isu sosial dan emosi dalam kalangan PPB

Isu sosial dan emosi PPB merujuk kepada keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan orang lain dalam proses sosialisasi serta kawalan terhadap emosi (Rorlinda et al., 2016). Pelbagai dapatan penyelidikan merumuskan bahawa PPB memiliki ciri-ciri unik seperti ketidakselarasan perkembangan serta sikap kesempurnaan melampau yang telah memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi dan kestabilan emosi (Abu Yazid & Noriah, 2016). Mereka sering berhadapan dengan konflik intrapersonal dan interpersonal sama ada dalam mahupun luar persekitaran pembelajaran, cenderung untuk mengasingkan diri dan kurang toleransi dengan rakan sebaya, memiliki sifat kebimbangan yang tinggi, kurang motivasi untuk belajar, sukar menerima kritikan, sering berasa tertekan, serta kemurungan (Abu Yazid & Noriah, 2012; Noriah & Abu Yazid, 2010). Keunikan personaliti diri PPB juga menyebabkan kebanyakan mereka berasa kecewa dan kekecewaan tersebut diterjemahkan dengan reaksi menunjukkan kebosanan serta tingkah laku yang mengganggu keseluruhan proses pembelajaran (Abu Yazid & Noriah, 2016).

PPB ini juga dikaitkan dengan keunikan dari aspek tingkah laku dan kebolehan yang lebih maju untuk membezakan mereka dengan rakan sebaya yang lain (Rafidah, 2013). Ini kerana ciri kematangan yang ditunjukkan membolehkan mereka berupaya memberikan idea-idea yang bernas dalam membahaskan isu-isu tertentu. Keadaan ini menjadikan mereka mempunyai tahap moral yang lebih maju di samping semangat kepekaan terhadap idealism, menjadikan mereka kelihatan sempurna di mata masyarakat. Namun demikian, sifat yang idea ini sebenarnya merupakan kesakitan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh golongan ini yang akhirnya menjadikan mereka merasakan kesedihan, kemarahan dan kemurungan (Ryan, 2001).

Di samping itu, PPB juga mempunyai keunikan dalam aspek sosial dan emosi yang mendorong mereka untuk menyembunyikan isu atau konflik dalaman yang mereka hadapi. Mereka juga sukar untuk meminta pertolongan atau bantuan pihak lain dalam merungkai masalah (Rafidah, 2013). Ini kerana, mereka lebih cenderung untuk berusaha dalam mengatasi masalah atau konflik secara bersendirian yang akhirnya membawa kepada kesukaran untuk diri mereka difahami oleh orang lain. Keadaan ini menjadi salah satu faktor golongan PPB berhadapan dengan pelbagai masalah dalam kehidupan terutamanya berkaitan dengan isu keperluan sosial dan emosi yang unik dan berbeza dengan remaja lain (Rorlinda et al., 2016).

Dari aspek perkembangan kerjaya pula, banyak kajian mendapati PPB mengalami isu berkaitan hala tuju kerjaya disebabkan oleh faktor kepelbagaian potensi (*multipotentiality*), kekurangan maklumat, ketiadaan bimbingan serta faktor penyumbang yang lain (Abu Yazid & Noriah, 2016). Sebagai contoh, kepelbagaian potensi ini merujuk kepada keupayaan PPB untuk cemerlang dalam pelbagai bidang

yang meletakkan mereka dalam dilema untuk membuat pilihan kerjaya. Kesannya membawa kepada penangguhan dalam membuat pilihan kerjaya, sering kali mengubah hala tuju atau pilihan tanpa membuat pertimbangan secara mendalam.

Seterusnya, menurut Renzulli (1997) golongan PPB juga mempunyai tahap intelektual, sensual, psikomotor, imaginatif dan emosi yang lebih baik dan tinggi berbanding pelajar biasa di samping kebolehan kognitif, daya kreativiti dan komitmen yang luar biasa. Oleh yang demikian, PPB mempunyai kepekaan yang tinggi dan kesedaran emosi serta menunjukkan sifat-sifat empati yang keterlaluan terhadap orang lain di samping mempunyai tahap ingatan yang kuat. Justeru, ada ketikanya pelajar ini menghadapi situasi yang sukar dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru, mudah merasa bosan dan sunyi serta berhadapan dengan pelbagai emosi yang kompleks. Kajian Neihart, Reis, Robinson dan Moon (2002) turut mendapati PPB mengalami isu-isu sosial dan emosi seperti kekecewaan, cepat marah, kebimbangan, cepat bosan, pengasingan sosial yang kuat, tekanan, stres, sukar menjalinkan persahabatan disebabkan konsep persahabatan yang terkehadapan, kurang motivasi, rendah konsep kendiri, penolakan sosial, kesepian, fobia, masalah interpersonal, kesempurnaan melampau, kekurangan daya tahan, takutkan kegagalan dan mengelak risiko disebabkan inginkan kesempurnaan dan depresi.

Ciri-ciri unik PPB yang telah dibincangkan turut menyumbang kepada limitasi kepada mereka dalam membuat keputusan dan berdaya tahan (Mustafa, 2018). Contohnya, ciri kesempurnaan melampau yang dimiliki oleh PPB meletakkan mereka dalam keadaan tekanan dan marah apabila tidak mampu menyempurnakan sesuatu perkara seperti mana yang dijangkakan seterusnya gagal menangani perkara tersebut secara sihat. Sikap ini memaksa PPB untuk melihat sesuatu perkara sama ada ‘betul’ atau ‘salah’ tanpa mengambil kira perbezaan di antara ‘betul’ dan ‘salah’ dan mengabaikan alternatif ketika mengambil keputusan. Disamping itu, faktor psikologi PPB seperti perkembangan fizikal dan umur yang tidak selaras serta ekspektasi yang tinggi daripada masyarakat memberi tekanan dan menggugat daya tahan mereka (Kim, 2015). Selari dengan kajian oleh Bland et al. (1994) yang mendedahkan terdapat dalam kalangan PPB yang rendah dari aspek daya tahan. Bland et al. (1994) turut menegaskan akan kepentingan kajian dan menyuburkan daya tahan dalam kalangan PPB. Ini kerana, daya tahan yang tinggi dapat mengurangkan jurang *asynchronous* dalam kalangan mereka (Silverman, 1997). Oleh itu, golongan ini perlu diberi bimbingan bagi meningkatkan tahap kemahiran membuat keputusan dan juga daya tahan. Bertepatan dengan saranan beberapa pengkaji seperti Milligan (2004), Mofield et al. (2016) dan Ozcan (2017) yang menyokong elemen membuat keputusan dan daya tahan perlu ditingkatkan dalam kalangan PBB.

Justeru, kajian berkaitan PPB perlu melihat pelbagai dimensi khususnya terhadap kemahiran membuat keputusan dan juga daya tahan dalam membina kemahiran diri serta memberi kekuatan dalam berhadapan dengan isu sosial dan emosi yang dilalui setiap hari di samping meneruskan kehidupan yang lebih sejahtera. Dalam pada itu, pendekatan yang digunakan terhadap PPB perlulah bersetujuan dengan ciri unik mereka dan pendekatan terapi bermain adalah salah satu pendekatan yang bertepatan dengan keperluan PPB (Rosselet & Stauffer 2013; Gere et al., 2017). Elemen seperti kreatif, imaginasi, fantasi, sensitif (Rosselet & Stauffer 2013; Gere et al., 2017) yang terkandung dalam pendekatan terapi bermain sangat sesuai untuk di aplikasikan kepada PPB dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada meraka. Selain itu, penggunaan terapi bermain juga salah satu pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan kepada remaja yang berbeza tahap perkembangan, tahap pembelajaran dan juga berbeza keperluan sosial dan emosi seperti PPB (Rosselet & Stauffer, 2013). Oleh itu, kajian kes kaunseling ini dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanannya pendekatan terapi bermain dalam membantu PPB menguruskan isu sosial dan emosi dengan berkesan yang menekankan kepada elemen membuat keputusan dan juga daya tahan.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini memfokuskan kepada perbincangan kajian lepas berkaitan dengan isu yang dialami oleh pelajar pintar berbakat (PPB) serta pendekatan yang diperlukan.

Aspek sosial dan emosi PPB

Pelajar pintar berbakat (PPB) mengalami cabaran tertentu semasa membesar kerana mereka berbeza dari kanak-kanak lain dari segi bakat. Pelajar ini seringkali berhadapan dengan permasalahan hasil daripada kepercayaan dalam persekitaran kepintaran mereka seperti; ekspektasi yang tidak realistik terhadap tingkah laku mereka, tekanan untuk meunjukkan prestasi terbaik, kritikan atau pujian yang berterusan, tekanan untuk mengikut peraturan, dan kesukaran mencari rakan. Silverman (1994), telah menyenaraikan risiko-risiko yang dialami oleh PPB iaitu; keengganan melakukan rutin, tugas yang berulang-ulang, kritikan terhadap orang lain yang tidak sesuai, kekurangan kesedaran mengenai kesan tindakannya pada orang lain (kurang empati), kesukaran menerima kritikan, cuba menyembunyikan bakat untuk menyesuaikan diri dengan rakan-rakan, ketidakpatuhan dan menunjukkan rintangan kepada pihak yang lebih berkuasa.

Begini juga Neihart, Reis, Robinson, Moon, (2002) turut mendapati PPB mengalami isu-isu sosial dan emosi seperti kekecewaan, cepat marah, kebimbangan, cepat bosan, dan mengasingkan sosial, pengasingan sosial yang kuat, tekanan stress, sukar membuat persahabatan disebabkan konsep persahabatan yang terkehilaman, kurang

motivasi, rendah konsep kendiri, penolakan sosial, kesedaran emosi yang di bawah kebolehan untuk mengawal, kesukaran dengan rakan sebaya yang sekadar tahap IQ, kesepian, kebimbangan, fobia, masalah interpersonal, takut gagal, dan *perfectionist*/kesempurnaan, kemunduran untuk penerimaan sosial, kekurangan daya tahan, peningkatan sikap kesempurnaan, takut kepada kegagalan dan mengelak risiko disebabkan inginkan kesempurnaan, dan depresi dalam kalangan PPB yang sangat kreatif.

Kajian dari dalam dan luar negara telah mendedahkan antara punca timbulnya isu sosial dan emosi dalam kalangan mereka adalah disebabkan oleh faktor perkembangan yang tidak sekata (*asynchronous development*) (Scott, 2012; Abu Yazid & Aliza, 2009) yang membelenggu kehidupan mereka dalam domain kognitif, efektif dan tingkah laku. Perkembangan yang tidak sekata ini berlaku akibat ketidakselarasian perkembangan di antara umur akal dan umur fizikal (Abu Yazid & Noriah, 2016). Selain itu, faktor lain seperti ekspektasi tinggi daripada pelbagai pihak, pembelajaran tidak mencabar dan membosankan serta kesukaran menyesuaikan diri dalam interaksi sosial turut menyumbang kepada masalah isu sosial dan emosi yang boleh menjelaskan kesejahteraan psikologikal (Rorlinda et al., 2016). Perkara ini membimbangkan kerana isu sosial dan emosi tersebut mampu menggugat dan membantunkan perkembangan dan kemampuan diri PPB yang sepatutnya dapat dikembangkan secara optimum serta memberi kesan negatif seperti menyumbang kepada permasalahan terhadap motivasi kendiri, perasaan rendah diri pencapaian bawah tahap (*underachievement*) dan kebimbangan.

Kemahiran membuat keputusan dalam kalangan PPB

Rehman & Khan (2015) telah mendefinisikan membuat keputusan sebagai proses memilih satu kemungkinan daripada kemungkinan yang lain. Membuat keputusan juga merupakan satu kemahiran yang melibatkan proses kognitif yang kritikal dan iaanya digunakan dalam apa jua situasi dalam kehidupan sehari-hari (Zakri & Saemah, 2015). Di samping itu, kemahiran ini merupakan kemahiran yang boleh dipelajari serta diasah (Mincemoyer & Perkins, 2003) dan mampu menyumbang kepada peningkatan penghargaan kendiri, kepuasan hidup serta kebolehan menangani tekanan hidup (Colakkadioglu, 2016).

Kajian mengenai kemahiran membuat keputusan dalam kalangan PPB telah dijalankan secara agresif di barat. Namun, di Malaysia kajian khusus berkaitan kemahiran ini belum meluas. Walau bagaimana pun, daripada kajian-kajian mengenai PPB di Malaysia seperti kajian terhadap tahap kepimpinan (Rorlinda, 2014), kemahiran sosial (Noriah, Mohd Hakimie & Abu Yazid, 2014), profil pemprosesan kognitif (Rosadah, Noriah & Zalizan, 2005) telah menjelaskan secara umumnya tahap kemahiran membuat keputusan dalam kalangan PPB adalah tinggi. Begitu juga

dengan kajian di luar negara, kebanyakan pengkaji menjelaskan kemahiran membuat keputusan golongan ini adalah tinggi (Saygili, 2014).

Walau bagaimanapun, terdapat juga banyak kajian yang mencadangkan PPB perlu dipertingkatkan tahap kemahiran tersebut (Ozcan & Zaaroglu, 2017; Mofield et al., 2016; Milligan, 2004). Sementara, Schlichter (1981) turut melihat kepentingan kemahiran membuat keputusan dalam kalangan PPB bagi mengimbangi aspek keperluan dan kebolehan mereka seterusnya beliau berpendapat kemahiran ini perlu disemai terhadap golongan ini. Ia juga bertepatan dengan konsep kemahiran itu sendiri iaitu boleh diajar, diasah serta digilap (Mincemoyer & Perkins, 2003) yang seterusnya menjadikan kemahiran keputusan sebagai satu tuntutan kepada golongan ini.

Di samping itu, Ersoy & Deniz (2016) menjelaskan kemahiran membuat keputusan dalam kalangan PPB perlu diasah secara berterusan kerana ciri-ciri unik yang dimiliki oleh PPB itu sendiri mampu membuatkan kemahiran tersebut menjadi lemah. Sebagai contoh, salah satu ciri istimewa PPB adalah kesempurnaan melampau. Ciri tersebut telah meletakkan golongan ini dalam keadaan tekanan atau marah sekiranya mereka tidak dapat melakukan sesuatu perkara dengan sempurna sebagai mana yang dijangkakan. Ciri kesempurnaan tersebut telah mendorong PPB untuk tidak memikirkan lagi mengenai alternatif dalam mengambil keputusan sebaliknya terus bertindak tanpa memikirkan perbezaan di antara yang betul dan salah. Perkara tersebut menjelaskan, walaupun kebanyakan berpendapat kemahiran membuat keputusan dalam kalangan PPB adalah tinggi, namun perlu diberi perhatian bahawa kemahiran tersebut mampu tergugat. Oleh itu, kemahiran itu perlu disemai dari masa ke masa.

Daya tahan dalam kalangan PPB

Daya tahan dalam diri seseorang mampu bertindak sebagai benteng pertahanan daripada terus jatuh apabila terdedah dengan kesukaran atau tekanan hidup. Menurut Fredrickson (2004), daya tahan adalah satu keupayaan bagi seseorang individu untuk bangkit daripada kesedihan atau kesukaran. Malahan, individu tersebut juga akan pulih dengan melantun kembali segala kesukaran yang dihadapi dan mampu untuk terus berkembang maju (Chen et al., 2017).

Sementara itu, Neihart (2002) mencadangkan ciri-ciri pelajar pintar adalah sebagaimana ciri-ciri pelajar yang berdaya tahan tinggi. Mereka lebih cenderung untuk memiliki tahap yang tinggi dari aspek kecerdasan emosi, efikasi kendiri, sikap ingin tahu, kebolehan menyelesaikan masalah dan sebagainya. Manakala, Cazan & Dumitrescu (2016) pula berpendapat PPB yang berdaya tahan adalah pelajar yang mampu menangani cabaran-cabaran dalam kehidupan. Selain itu, mereka turut menjadikan segala kesukaran hidup sebagai satu cabaran dalam diri tanpa melihat perkara tersebut sebagai satu masalah atau pun halangan untuk lebih maju. Walaupun

kebanyakan kajian mengenai PPB menjelaskan golongan ini memiliki daya tahan yang tinggi, namun Bland et al. (1994) mendedahkan terdapat juga PPB yang rendah dari aspek daya tahan. Perkara ini bukan sahaja menjadi satu kerugian yang besar bagi diri PPB itu sendiri malahan turut merugikan negara kerana PPB merupakan aset terpenting negara. Bersesuaian dengan pendapat Noriah dan Abu Yazid (2010) PPB merupakan aset terpenting negara yang perlu dicungkil potensi kecemerlangan mereka bagi perkembangan negara. Justeru, Bland et al. (1994) menegaskan akan kepentingan kajian mengenai daya tahan dalam kalangan PPB.

Dalam pada itu, Pfeiffer & Stocking (2000) turut berpendapat walaupun PPB lebih cenderung untuk mempamerkan kebolehan dalam akademik serta lebih dikenali sebagai pelajar yang cekap dalam menyelesaikan masalah dan kreatif, mereka turut terdedah dengan pengalaman kesakitan, kesukaran serta masalah –masalah psikologi. Perkara tersebut disokong oleh dapatan daripada kajian Kline and Short (1991) yang mendapati tahap daya tahan pelajar pintar adalah berkadar songsang dengan tahap masalah emosi. Beliau turut mendedahkan, tahap daya tahan PPB semakin menurun apabila meningkatnya gred kedudukan kelas disebabkan oleh peningkatan masalah emosi dalam kalangan mereka.

Terapi bermain Kognitif Tingkah laku (TBKT)

Perkembangan TBKT adalah hasil pengubahsuaian daripada Teori Kognitif sebagaimana yang telah dikonsepkan oleh Aaron Beck's (1964, 1976). Teori Kognitif yang asalnya dibangunkan untuk kegunaan orang dewasa telah disesuaikan mengikut keperluan kanak-kanak (Knell, 1993). Di samping itu, Aaron Beck turut mengembangkan Teori Kognitif dengan suatu pemahaman di mana pentingnya sistem kepercayaan dan pemikiran dalam menentukan tingkah laku dan perasaan (Knell, 1998).

Bagi memastikan Teori Kognitif dapat diaplikasikan secara berkesan dan jayanya terhadap kanak- kanak dan remaja maka beberapa adaptasi dan perubahan telah dilakukan. Memandangkan kebolehan verbal kanak-kanak adalah terbatas maka elemen bermain digabungkan dengan Teori Kognitif. Oleh yang demikian, adaptasi untuk kegunaan kanak-kanak telah beri nama sebagai Terapi Bermain Kognitif Tingkah laku (TBKT) iaitu melibatkan kognitif, tingkah laku dan juga terapi bermain.

Falsafah Terapi Bermain Kognitif Tingkah laku (TBKT)

Melihat kepada nama pendekatan TBKT itu sendiri telah menjelaskan pendekatan ini adalah bersandarkan kepada intervensi kognitif dan tingkah laku di dalam paradigma bermain. Komponen kognitif dan tingkah laku dapat menyediakan pelbagai faedah kepada perkembangan kanak-kanak.

Intervensi tingkah laku dapat mempengaruhi kanak-kanak secara terus. Contohnya, intervensi tingkah laku seperti modeling dapat menyediakan kepada kanak-kanak maklumat yang tidak boleh disampaikan melalui penggunaan verbal semata-mata. Oleh itu, melalui teknik modeling dapat memudahkan kanak-kanak untuk menerima sesuatu rawatan secara berkesan. Selain itu, intervensi tingkah laku yang lain seperti *shaping* dan *positive reinforcement* pula dapat membantu mengubah tingkah laku kanak-kanak.

Manakala, Teori Kognitif menyediakan kerangka kepada penglibatan kanak-kanak dalam rawatan dengan menekankan aspek kawalan, kebolehan serta tanggungjawab terhadap perubahan tingkah laku seseorang. Dengan menggabungkan komponen kognitif, kanak-kanak mampu untuk menjadi individu yang aktif melakukan perubahan. Contohnya, kanak-kanak yang telah dibantu untuk mengenal pasti serta mengubah pemikiran yang tidak rasional akan melalui pengalaman seperti pemahaman kendiri dan juga lebih kuat dan yakin.

Sebagaimana falsafah Teori Kognitif, TBKT turut menyokong tingkah laku bermasalah adalah berpunca daripada pemikiran maladaptif yang seterusnya memberi kesan kepada perasaan dan tingkah laku kanak-kanak. Manakala, aktiviti bermain digunakan sebagai komunikasi lisan dan bukan lisan. Ahli teori tingkah laku dan kognitif melihat permainan kanak-kanak sebagai gambaran corak tertentu terhadap tingkah laku maladaptif dan pemikiran yang tidak rasional (Siahkalroudi & Bahri, 2015).

Menurut Knell (2009), TBKT mempunyai enam sifat-sifat tertentu atau rukun yang menyediakan asas untuk hasil yang positif. Rukun adalah seperti berikut:

1. TBKT melibatkan rawatan kanak-kanak melalui bermain.
2. TBKT memfokuskan kepada persekitaran kanak-kanak, fantasi, pemikiran dan perasaan.
3. TBKT menyediakan strategi untuk membangunkan lebih banyak tingkah laku penyesuaian dan pemikiran.
4. Selain daripada terbuka, TBKT adalah bermatlamat, berbentuk arahan dan berstruktur.
5. TBKT menggabungkan teknik yang ditunjukkan secara empirikal.
6. TBKT membenarkan rawatan dinilai secara empirikal.

Keberkesanan pendekatan terapi bermain terhadap PPB

Caputo (1993) dalam kajiannya yang mendapati terapi boneka sangat sesuai bagi pelajar berkeperluan khas terutamanya bagi pelajar yang mengalami masalah emosi dan tingkah laku. Ini adalah selari dengan PPB yang juga merupakan kategori pelajar

keperluan khas yang menuntut pendekatan yang unik. Malahan, menurut Caputo (1993) lagi terapi boneka turut sesuai digunakan oleh guru-guru sekolah untuk membantu pelajar bagi menyuarakan kesakitan terhadap masalah peribadi tanpa wujud perasaan asing dengan guru dan juga pelajar lain.

Kajian Rosselet & Stauffer (2013) juga telah membuktikan keberkesanan kelompok terapi bermain Adlerian menggunakan kaedah *group role playing game* ke atas pelajar pintar. Kajian kes telah dijalankan ke atas seorang kanak-kanak yang berusia 15 tahun yang mengalami rendah estim kendiri, masalah tingkahlaku di sekolah, membuli serta kegagalan akademik. Hasil daripada intervensi kelompok terapi bermain, kanak-kanak tersebut dapat mengawal emosi dan membentuk hubungan yang baik dengan orang lain serta masalah tingkahlaku di sekolah dan pembelajaran turut menunjukkan perubahan positif. Di samping itu, kelompok tersebut juga membantu kanak-kanak itu menerima kesalahan orang lain serta membina kebolehan interpersonal.

Seterusnya, Ashby, Kottman & Martin (2004) turut menyokong keberkesanan terapi bermain terhadap sikap maladaptif iaitu kesempurnaan melampau. Sikap ini juga sering kali ditemui dalam kalangan PPB. Menurut kajian mereka, terapi bermain membantu kaunselor dalam mengenal pasti tingkahlaku maladaptif kanak-kanak yang memiliki kesempurnaan melampau. Penggunaan terapi bermain telah berupaya menilai dan merawat kesempurnaan maladaptif kanak-kanak dalam kajian mereka. Oleh kerana kajian ini melibatkan pelajar pintar berbakat yang memiliki keunikan efektif, maka kaedah yang unik dan kreatif sangat sesuai diaplikasikan kepada mereka.

Terdapat juga kajian-kajian lepas seperti Ziad (2020) dan Gaesser (2014) menjalankan kajian keatas pelajar pintar menggunakan pendekatan kognitif tingkahlaku. Kedua-dua kajian tersebut merupakan kajian berbentuk kajian intervensi yang melibatkan elemen kreatif. Nor Hamizah et al. (2021) pula telah menjalankan satu kajian eksperimen terhadap kumpulan pelajar pintar menggunakan pendekatan terapi bermain kognitif laku dan dapat mendapatkan pelajar daripada kumpulan rawatan telah berupaya meningkatkan kemahiran membuat keputusan serta resilien berbanding pelajar dari kumpulan kawalan. Justeru, menjadi tanggungjawab kaunselor untuk menyokong keberkesanan terapi bermain sebagai suatu intervensi kaunseling dalam menangani masalah yang berkaitan dengan populasi pintar dan berbakat.


METODOLOGI

Perkhidmatan bimbingan kaunseling telah dijalankan bersama dengan sekumpulan pelajar yang terdiri daripada 8 orang pelajar pintar yang telah dikenalpasti memiliki tahap membuat keputusan dan daya tahan yang rendah. Sarungan awal menggunakan soal selidik *Assessing Decision Making Skills* (ADMS) untuk mengukur tahap

membuat keputusan dan Skala Daya Tahan Remaja (SDTR) untuk mengukur tahap daya tahan. Satu intervensi menggunakan Modul Terapi Bermain Kognitif Tingkahlaku (Modul TBKT) yang dibina oleh pengkaji telah dijalankan. Intervensi ini merupakan sesi bimbingan kelompok yang mengandungi 6 sesi iaitu mewakili 6 kali pertemuan dan telah dijalankan di bilik kaunseling Kolej GENIUS Insan. Setiap pertemuan memfokuskan kepada domain tertentu yang merangkumi keupayaan membuat keputusan dan juga daya tahan. Jadual 1 adalah sesi bimbingan kelompok menggunakan Modul TBKT yang telah dijalankan bersama sekumpulan pelajar ini. Rajah 1pula menjelaskan sesi intervensi bimbingan kelompok berdasarkan kepada pecahan dua domain utama iaitu kemahiran membuat keputusan dan daya tahan.

Jadual 1: Kandungan Modul TBKT

SESI	SUB MODUL	AKTIVITI
SESI 1: Perkenalan Kelompok dan Penetapan Syarat	Modaliti Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Chan Mali Chan ▪ Lontaran Kasih ▪ Poster Kita
SESI 2: Mendefinisikan Masalah dan Celic Akal	Modaliti Seni	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ekspresiku ▪ Jendela Hati
SESI 3: Menjana Alternatif, Menyemak Risiko, Memilih Alternatif dan Menilai Keputusan	Modaliti Tanah Liat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Dunia Impian ▪ Siapa Hebat? ▪ Alahai...Siput
SESI 4 Perhubungan dan Berdikari	Modaliti Pasir	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Salam Perkenalan ▪ Indahnya Mahabbah
SESI 5: Kreatif & Humor dan Inisiatif	Modaliti Muzik	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Merdunya... ▪ Kalau rasa gembira...
SESI 6: Moral dan Daya Tahan	Modaliti Boneka	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkampungan Puppet ▪ Jalinan Kasih



Rajah 1: Modul TBKT berdasarkan domain membuat keputusan dan daya tahan

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Kemahiran membuat keputusan dan daya tahan adalah salah satu faktor penyumbang kepada kekuatan diri yang perlu dipertingkatkan dalam usaha untuk menangani isu sosial dan emosi dalam kalangan PPB. Setelah tamat intervensi selama 6 kali pertemuan, kesemua PPB diberi alat ujian untuk mengukur perubahan yang berlaku. Dapatkan menunjukkan terdapat peningkatan terhadap pembuatan keputusan (mendefinisikan masalah, menjana alternatif, menyemak risiko dan akibat, memilih

alternatif dan menilai keputusan) dan juga daya tahan (celik akal, sifat berdikari, corak perhubungan, inisiatif diri, kreativiti & humor).

Beberapa pengkaji menjelaskan seseorang yang memperoleh skor yang tinggi dalam kemahiran membuat keputusan akan menyumbang kepada aspek penghargaan kendiri (Colakkadioglu & Celik, 2016), penyelesaian masalah (Singh & Chaudhary, 2015; Deniz, 2004), akademik (Tanglang & Ibrahim, 2016), daya tahan (Diker & Tosun, 2014), kepimpinan (Singh, 1999), kepuasan diri (Cenkseven-Onder, 2012), kecerdasan emosi (Mustafa, 2018) dan banyak lagi. Terdapat lima langkah membuat keputusan sebagaimana yang dicadangkan oleh John Adair (2009). Langkah-langkah tersebut adalah pertama mendefinisikan masalah, kedua menjana alternatif, ketiga menyemak risiko dan akibat, keempat memilih alternatif dan yang terakhir menilai keputusan. Hasil intervensi menggunakan pendekatan Terapi Bermain Kognitif Tingkah laku menunjukkan pelajar telah berjaya meningkatkan skor bagi kelima-lima langkah tersebut. Keputusan ini menjelaskan pelajar yang mengikuti intervensi dalam kajian berkeupayaan membuat keputusan yang berkesan dalam kehidupan.

Selain itu, dapatan kajian berkaitan daya tahan adalah selari dan menyokong kajian lepas yang telah dijalankan oleh beberapa penyelidik seperti Mollamohammadi & Yazdkasti (2017), Jarareh et al. (2016), Folostina et al. (2015) serta Garrett & Douglass (2014). Kajian-kajian tersebut menggunakan pendekatan terapi bermain bagi meningkatkan daya tahan serta terbukti berkesan terhadap daya tahan termasuklah terhadap sub skala daya tahan seperti kreativiti (Jarareh et al., 2016), perhubungan (Vatanbaaf et al., 2015), ketabahan (El-Nagger et al., 2017).

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati Terapi bermain Kognitif Tingkah laku sesuai digunakan untuk menangani masalah sosial dan emosi pelajar pintar berbakat PPB dan meningkatkan keupayaan untuk membuat keputusan dan berdaya tahan. Justeru, Terapi bermain Kognitif Tingkah laku merupakan salah satu pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan terhadap golongan PPB. Kajian ini memberi implikasi terhadap perkembangan pendekatan terapi bermain di Malaysia khususnya terhadap populasi pintar berbakat. Dalam hal ini, peranan kaunselor sebagai agen transformasi demi membantu ke arah memperkasa modal insan dapat di tunjukkan menerusi penerokaam ilmu dan kemahiran yang tidak hanya terbatas dalam bidang kaunseling tetapi juga meliputi bidang keilmuan yang lain. Kepelbagaiannya bidang ilmu yang dimiliki oleh kaunselor berupaya menjadikan proses kaunseling lebih lancar dan berkesan. Oleh itu, adalah menjadi peranan para kaunselor untuk memperkasa kemahiran yang ada dengan menguasai pendekatan yang pelbagai termasuklah pendekatan terapi bermain

Seterusnya, kajian ini juga memberi implikasi terhadap pembangunan program kendiri dalam kalangan PPB. PPB adalah satu aset yang bernilai bagi sesebuah negara. Kegagalan membantu PPB bagi memperkembangkan potensi dan bakat mereka adalah satu kerugian yang besar kepada negara dan masyarakat keseluruhannya. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan program atau aktiviti yang bertujuan menyuburkan dan meningkatkan kemahiran membuat keputusan dan daya tahan adalah perlu dan amat penting untuk dilaksanakan dalam sistem pendidikan PPB di Malaysia.

Program dan aktiviti kemahiran membuat keputusan dan daya tahan ini perlu dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu bermula daripada peringkat saringan pelajar,-kolej dan seterusnya peringkat IPT. Malah, pelaksanaan aktiviti kemahiran membuat keputusan dan daya tahan ini harus dijadikan aktiviti wajib untuk semua pelajar dan bukan sekadar program sampingan sahaja. Pelaksanaan program kemahiran membuat keputusan dan daya tahan yang dapat dirancang dan dilaksanakan secara berterusan, bersepadu dan dirancang berupaya melahirkan modal insan yang cemerlang meliputi semua aspek kehidupan.

Dapat disimpulkan bahawa pendekatan terapi bermain yang menjadi asas dalam sesi bimbingan kelompok kajian ini adalah bertepatan dengan populasi kajian iaitu PPB. Oleh yang demikian, para kaunselor, khususnya kaunselor di institusi pintar dan berbakat perlulah menguasai pendekatan terapi bermain dalam usaha memberi perkhidmatan yang berkesan.

RUJUKAN

- Abdel Rahman Ibrahim, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Ahmad Bazli Ahmad Hilmi. (2017). Teaching foreign languages to gifted and talented students using tablets. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 1(4):112–122.
- Abu Yazid, A. B. & Noriah, M.I. (2016). *Pendidikan pintar dan berbakat di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abu Yazid, A.B & Zulkarnain, Z. (2018). Counselling services for gifted students in Malaysia: A qualitative exploration. *International Journal of Engineering & Technology* 7(2): 66-69.
- Abu Yazid, A.B. & Aliza, A. (2009). *Sokongan psikologikal dan sosio-emosi pelajar pintar cerdas*. Dlm. Noriah M.I., Rosadah A.M. & Siti Fatimah M.Y. (pnyt.), PERMATApintar: Pengalaman UKM. Bangi: Pusat PERMATApintar Negara, UKM.
- Aliza Alias & Hamidah Yamat. (2009). *Ciri-ciri kanak-kanak pintar cerdas*. Dlm. Noriah M.I., Rosadah A.M. & Siti Fatimah M.Y. (pnyt.), PERMATApintar: Pengalaman UKM. Bangi: Pusat PERMATApintar Negara, UKM.

- Amnah Zanariah, A. R., Amira, Z., Nur Fazidah, S.M. (2017). Kajian tentang perfectionism dan stail berfikir pelajar Muslim pintar dan berbakat di Malaysia. *International Journal of Islamic Studies* 6(2):13–22.
- Ashby, J. S., Kottman, T. & Martin, J. L. (2004). Play therapy with young perfectiosm. *International Journal of Play Therapy* 13(1): 35–55.
- Blaas, S. (2014). The relationship between social-emotional difficulties and underachievement of gifted students. *Australian Journal of Guidance and Counselling* 24 (02): 243–255.
- Caputo, R. A. (1993). Using puppets with students with emotional and behavioral disorders. *Intervention in School and Clinic* 29(1): 26–30.
- Caputo, R. A. (1993). Using puppets with students with emotional and behavioral disorders. *Intervention in School and Clinic* 29(1): 26–30.
- Cenkseven-Onder, F. (2012). Decision-making styles and life satisfaction. *Social Behavior and Personality* 40(9): 1523-1536
- Colakkadioglu, O. & Celik, B. (2016). The effect of decision-making skill training programs on self-esteem and decision-making styles. *Eurasian Journal of Educational Research* 65: 259-276.
- Diker, Y. & Tosun, Ü. (2014). analysis of the relationship between the resiliency level and problem-solving skills of university students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 114: 673–680.
- Ersoy, E. & Deniz, M. E. (2016). Psychometric properties of the gifted students' coping with anger and decision-making skills scale. *Journal of Education and Practice* 7(15): 121–128.
- Fazio-Griffith, L. J. & Ballard, M. B. (2014). *Cognitive behavioral play therapy techniques in school-based group counseling: assisting students in the development of social skills*. VISTAS Online 18.
- Fisher, E. S. & Kennedy, K. (2016). *Counseling diverse populations in schools*. New York: Oxford University Press.
- Folostina, R., Tudorache, L., Michel, T., Erzsebet, B., Agheana, V. & Hocaoglu, H. (2015). Using play and drama in developing resilience in children at risk. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 197: 2362–2368.
- Gallagher, J. J. & Gallagher, S. A. (1994). *Teaching the gifted child*. Edisi ke-4. Boston, MA: Allyn.
- Gaesser, A.H. (2014). *Interventions to reduce anxiety for gifted children and adolescents*. Doctoral Dissertations. 377.
- Gere, D. R., Capps, S. C., Mitchell, D. W. & Grubbs, E. (2009). Sensory Sensitivities of Gifted Children. *American Journal of Occupational Therapy* 64: 288–295.
- Kline, B. E. & Short, E.B. (1991). Changes in emotional resilience: Gifted adolescent females. *Roeper Review* 13(3): 118–121.

- Knell, S. M. (1998). Cognitive-behavioral play therapy. *Journal of Clinical Child Psychology* 27(1): 28-33.
- Kottman, T. & Meany-Walen, K. (2016). *Partners in play: An Adlerian approach to play therapy* (3rd ed.). Alexandria, VA, US: American Counseling Association.
- Mincemoyer, C. C. & Perkins, D. F. (2003). Assessing decision making skills of youth. *The Forum for Family and Consumer Issues* 8(1).
- Mustafa. (2018). Determination of the relationship between emotional intelligence level and decision-making strategies in gifted. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists* 6(1):1-16.
- Neihart, M., Reis, S. M., Robinson, N. M., & Moon, S. M. (2002). *The social and emotional development of gifted children: What do we know?* Waco, TX: Prufrock Press.
- Ng Sen Fa & Sandiyao Sebestian. (2005). *Masalah sosio-emosi kanak-kanak pintar cerdas*. Masalah Pendidikan: 5-12.
- Noriah, M. I. & Abu Yazid, A. B. (2010). Psychological issues and the need for counseling services among Malaysian gifted students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 5(2): 665–673.
- Nor Hamizah Ab Razak, Ku Suhaila Ku Johari, Mohd Izwan Mahmud, Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor, Siti Nubailah Mohd Yusof. (2021). *Kebolehpercayaan modul TBKT ke atas kemahiran membuat keputusan dan resilien pelajar pintar berbakat*. Prosiding SKSSP, 196-206.
- Ozcan, D. (2017). Career decision-making of the gifted and talented South African. *Journal of Education* 37(4): 1–8.
- Ozcan, D., Zaaroglu, L. (2017). Determination of the relationship between strategies of decision-making and emotional intelligence of gifted students. *ENSAYOS* 32(2):77-95.
- Pfeiffer, S. I. & Stocking, V. B. (2000). Vulnerabilities of academically gifted students. *Special Services in the Schools* 16(1-2): 83–93.
- Rafidah Kastawi & Noriah Mohd Ishak. (2014). Terapi seni dalam kaunseling pelajar pintar dan berbakat. *Malaysian Journal of Youth Studies* 8(6): 147–166.
- Rafidah Kastawi. (2013). *Pembinaan Modul Terapi Seni (MOTEST) dan Penggunaannya dalam Proses Kaunseling Remaja Pintar Berbakat*. Tesis PhD Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rehman, R. R. & Khan, A. W. (2015). Realting individual demographics, work-family conflict and decision-making styles of faculty members in higher education sector of Pakistan. *VFAST Transections on Education and Social Sciences* 5: 51-63.
- Renzulli, Joseph S. & Reis, Sally M. (1997). *The schoolwide enrichment model*. Edisi ke-2. Creative Learning Press: Mansfield.

- Rorlinda, Y., Noriah, M.I., Jamaliah. H., Aishah, H., Afifah, M, R & Tengku Elmi Azlina, T. M. (2017). Kajian isu-isu sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 4 (1): 13-29.
- Rorlinda, Y., Noriah, M.I., Siti Aishah, H. & Afifah, M.R. (2016). Kajian jati diri dan tekanan isu sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30(2): 42–60.
- Rosadah Abd Majid. (2004). *Satu kajian perbandingan profil pelajar pintar cerdas akademik dengan pelajar sederhana akademik*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosselet, J. G. & Stauffer, S. D. (2013). Using group role-playing games with gifted children and adolescents: A psychosocial intervention model international. *Journal of Play Therapy* 22(4): 173–192.
- Russ. S. W. (1998). Play therapy. Dlm. A. S. Bellack, M. Hersen, & T. Ollendick (Pynt.). *Comprehensive Clinical Psychology*. New York, NY: Elsevier Science.
- Saygili, G. (2014). Problem-solving skills employed by gifted children and their peers in public primary schools in Turkey. *Society for Personality Research* 42: 53–64.
- Siahkalroudi, S. G. & Bahri, M. Z. (2015). Effectiveness of cognitive behavioral play therapy group on self-esteem and social skills in girls' elementary school. *Journal of Scientific Research and Development* 2(4):114–120.
- Singh, A. & Chaudhary, A. K. (2015). Powerful tool for improving problem solving, decision making and creativity in teenagers. *The International Journal of Indian Psychology* 2: 10-15.
- Silverman, LK. (1994). The moral sensitivity of gifted children and the evolution of society. *Roeper Review*, 17(2): 110-116.
- Tanglang, N. & Ibrahim, A. K. (2016). Decision-making skills and academic performance of distance education learners: Implications for students counsellors. *International Journal of Information and Education Technology* 6(1): 44-49.
- Versteynen, L. (2013). Issues in the social and emotional adjustment of gifted children: What does the literature say? The New Zealand. *Journal of Gifted Education* 13(1):1-8.
- Zakri Abdullah & Saemah Rahman. (2015). Kemahiran meta-tingkah laku dan kemahiran membuat keputusan pelajar bermasalah disiplin dan tidak bermasalah disiplin. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(2): 175-183.
- Ziad, M. A. (2020). The Effectiveness of a cognitive behavioral counseling program in improving school adjustment for the gifted teenage students at King Abdullah Schools for excellence. *Universal Journal of Educational Research* 8 (11B): 6327-6339.